

11 DEC 2003

ABDULLAH-LANDASAN

KABINET YAKIN PROJEK PATUT DITANGGUH, KATA ABDULLAH

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

TOKYO, 11 Dis (Bernama) - Kabinet yakin projek kereta api landasan berkembar berharga RM14 bilion patut ditangguhkan sekarang, ketika negara menghadapi defisit belanjawan, dan keutamaan diberikan kepada projek-projek yang telahpun ditentukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, pada mesyuarat yang berlangsung di Kuala Lumpur semalam, menteri-menteri Kabinet mengakui faedah-faedah yang boleh diraih daripada projek itu, tetapi mereka merasakan ia terlalu mahal dan pada ketika ini kerajaan patut berhemah dalam pengurusan kewangannya.

Bercakap kepada media Malaysia selepas pertemuan dua halanya dengan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, di luar Mesyuarat Peringatan Asean-Jepun selama dua hari yang sedang berlangsung sekarang, Abdullah berkata, Kabinet akan mengkaji butiran terperinci mengenai projek itu dan akan membuat keputusan muktamad mengenai nasib projek itu pada mesyuaratnya Rabu minggu depan.

Projek landasan berkembar yang diberikan kepada konsortium Malaysian Mining Corporation Bhd-Gamuda Bhd (MMC-Gamuda) itu adalah projek paling tinggi kosnya di kalangan projek yang pernah dilaksanakan di negara ini, tetapi ia bukanlah projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Ia mencetuskan kontroversi baru-baru ini setelah Chinese Railway Engineering Corp (CREC) dari China dan Ircon International Ltd dari India, yang pada mulanya diberikan surat hasrat untuk melaksanakan projek itu, terlepas peluang kepada MMC-Gamuda yang mengemukakan bida balas yang lebih rendah.

Timbul kebimbangan bahawa ini akan menjejaskan hubungan dua hala dengan China dan India, khususnya mengenai kemungkinan kedua-dua negara ini mengurangkan pembelian minyak sawit Malaysia.

Perdana Menteri berkata, isu itu (projek terlalu mahal) telah banyak kali dibincangkan sebelum ini, malah juga semasa kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad lagi.

Abdullah menjelaskan, keputusan untuk menangguhkan projek itu bukanlah kerana kerajaan kekurangan wang tetapi ia mahu memberi keutamaan kepada projek-projek dalam rancangan pembangunan di bawah RMK8.

"Kita telah komited untuk melaksanakan projek-projek itu, jadi kita mesti beri keutamaan kepadanya. Ada banyak projek yang melibatkan pendidikan, kesihatan, pembangunan masyarakat, pertanian," katanya.

Dengan mempertimbangkan ini, kata Abdullah, semalam Kabinet memutuskan untuk mengkaji semula projek landasan berkembar itu dengan lebih terperinci sebelum membuat keputusan muktamad minggu depan.

Abdullah berkata, rancangan untuk menangguhkan projek itu tidak menjadi dasar penguncupan kerajaan.

"Ia adalah dasar yang berkait rapat dengan bagaimana kita menguruskan kewangan kita dengan mengamalkan langkah-langkah pengurusan kewangan berhemah."

"Kita mahu capai belanjawan seimbang. Kedudukan kewangan negara sememangnya sentiasa dipantau," kata Abdullah, yang juga Menteri Kewangan.

Beliau menegaskan, projek itu tidak akan dibatalkan, tetapi ditangguhkan dan jika pada masa akan datang, ia disambung semula, pihak yang diberikan kontrak untuk melaksanakannya, akan diberikan hak untuk membuat keputusan (sama ada) ia masih berminat untuk meneruskannya atau tidak. -- BERNAMA

MFJ MR KY AHM